

09/12/1997

## Memperkukuh sistem kewangan

CERGASNYA semula urus niaga di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan kekukuhan ringgit berbanding dolar Amerika semalam, walaupun tidak boleh dijadikan kayu pengukur paling tepat kepada usaha awal menangani kepayahan ekonomi yang kita hadapi sekarang, tetapi ia menunjukkan permulaan kepada petanda yang lebih meyakinkan. Minat pelabur terhadap bursa dan kestabilan ringgit menjelang pengumuman Penerangan Menteri Mengenai Langkah Strategik Mengukuhkan Kestabilan Ekonomi dan Kewangan Negara di Dewan Rakyat, oleh Timbalan Perdana Menteri, semalam, seolah-olah sudah dirasakan pada sebelah pagi. Tidak keterlaluan jika dikatakan, sama ada pelabur dan pasaran, mereka menerima realiti asas ekonomi Malaysia tetap kukuh dan sedia memberi satu komitmen baru terhadap segala yang mahu dilaksanakan kerajaan bagi mengatasi kegawatan.

Pada tengah hari, minat di BSKL kembali pulih dengan Indeks Komposit meningkat 14.44 peratus atau 87.7 mata kepada 695.10 mata malah satu ketika pada sesi petang mencatatkan mata tertinggi 699.02 iaitu kenaikan 91.62 mata. Walaupun ditutup rendah sedikit kepada 676.47, peningkatan 69.07 mata dengan 716 saham mencatatkan keuntungan dan 54 saja yang rugi, angka yang dicatatkan dalam urus niaga sehari itu sungguh menggalakkan.

Begitu juga dengan kedudukan ringgit. Pada paras paling rendah iaitu 3.86 berbanding dolar pada Jumaat lalu, ringgit kembali kukuh pada sesi petang dengan mencatatkan 3.65 daripada 3.79 pada pagi semalam.

Untuk optimis dengan prestasi sehari itu mungkin agak keterlaluan terutama kerana sifat semula jadi pasaran saham dan urus niaga mata wang tidak terkecuali daripada sentimen naik dan turun. Namun, kali ini kita percaya pemulihan sehari itu seolah-olah memberi sinar baru dan petanda jelas apa yang dirancang kerajaan sudah nampak hala tuju yang semakin berpaksi kepada landasan sebenar dan mula diterima oleh semua pihak.

Lantaran itu, kita percaya langkah tambahan pengukuh kestabilan ekonomi dan kewangan negara yang diumumkan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim walaupun disifatkan sebagai jadam yang pahit, seterusnya akan mempengaruhi semula dan mengembalikan keyakinan semua pihak dalam tempoh terdekat ini di samping menggambarkan betapa seriusnya kita mahu mengubati wabak yang semakin menular jika dibiarkan.

Berdasarkan pelbagai langkah tambahan itu, kita yakin kegawatan yang kita alami sejak beberapa bulan lalu sudah semakin hampir kepada penghujungnya. Rakyat yakin gandingan dan kerja keras Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya sejak berbulan lalu mempertahankan kedudukan negara akan membuahkan hasil yang amat menggembirakan rakyat. Dengan kesepakatan, kerjasama dan kepercayaan tinggi yang diberikan rakyat kepada kedua-dua pemimpin yang kita sanjungi itu, kita percaya 1997 yang bakal ditinggalkan beberapa hari lagi tidak mencatatkan kenangan paling pahit dalam sejarah kita menangani masalah ekonomi manakala 1998 pula tidak akan kita lalui dalam suasana yang muram dan gelap.

Anwar sudah menurunkan segala petua dan langkah yang mesti diambil malah diperakui pula oleh Dr Mahathir tindakan terbaru itu yang diumumkan timbalannya Jumaat lalu, akan dapat memperkukuh ekonomi serta mengembalikan keyakinan pelabur terhadap ekonomi negara. Insya-Allah, berkat kebijaksanaan dan permuafakatan kedua-dua mereka yang diperkuatkan lagi dengan barisan kepemimpinan kita yang lain, dalam tempoh terdekat ini kita penuh yakin ekonomi Malaysia akan terkeluar daripada belunggu perit

itu.

Namun sebagaimana yang ditegaskan Dr Mahathir kelmarin, semua langkah ini menagih pengorbanan yang besar daripada semua pihak. Kita bangga, pengorbanan itu cepat disambut oleh barisan kepimpinan dengan hati yang terbuka dan ikhlas. Menteri dan timbalan menteri bersetuju gaji mereka dipotong 10 peratus. Begitu juga dengan pegawai Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA), setiausaha politik dan jawatan setara yang menawarkan gaji mereka dipotong tiga peratus.

Sesungguhnya untuk berkorban bukanlah sesuatu yang mudah jika kita tidak meletakkan kepentingan negara dan bangsa mengatasi kepentingan lain. Justeru kita berharap semua pihak akan memberikan komitmen tinggi dan tidak pula mempertikaikan langkah terbaru kerajaan itu walaupun ia sesuatu yang pedih dan menyakitkan. Inilah satu lagi pengorbanan besar bagi kita yang cintakan Malaysia.

(END)